


Malaysia, Indonesia mahu heret EU ke mahkamah



Tun Dr Mahathir Mohamad (kanan) bersama Joko Widodo ketika sambutan rasmi di Dataran Perdana, Bangunan Perdana Putra sempena lawatan rasmi Presiden Indonesia itu ke Malaysia, pada 9 Ogos 2019, - Foto BERNAMA

SHAH ALAM - Malaysia dan Indonesia merancang membawa isu anti-minyak sawit yang diluluskan di Parlimen Eropah ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Dua negara pengeluar utamanya sebelum ini, pernah menyuarakan hasrat untuk membuat aduan kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia, lapor Nikkei Asian Review.

Dalam wawancara dengan portal niaga terkenal itu, Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, dua negara berkenaan kecewa dengan kempen negatif terhadap komoditi itu.

"Kami sangat kecewa dan merasakan bahawa [kempen anti-minyak sawit] ini tidak sangat bergantung pada soal kesihatan, tetapi lebih kepada persaingan dalam perniagaan minyak masak," katanya.

"[Isu] ini adalah mengenai perdagangan dunia, dan kita perlu meneliti amalan dagangan terlebih dahulu. Jika ia melanggar undang-undang antarabangsa, tentu saja, kita akan bawa ke mahkamah antarabangsa."

Beliau menjelaskan dalam pertemuannya dengan Presiden Indonesia Joko Widodo, kedua-dua negara bersetuju meningkatkan kerjasama bagi berdepan publisiti negatif terhadap minyak sawit.

Perdana Menteri juga berkata, ter-

dapat sedikit peningkatan sentimen positif di Eropah terhadap minyak itu susulan promosi yang dilaksanakan oleh agensi Malaysia.

"Terdapat beberapa tindak balas terhadap kempen kami. Sekiranya ia menjadi kenyataan dan meningkatkan kesedaran tentang keperluan orang Eropah tidak memulaukan minyak sawit, idea boikot itu tidak akan dilaksanakan," katanya.

Menggunakan 7.5 juta tan setahun, Eropah adalah pembeli kedua terbesar komoditi itu selepas India. Kesatuan itu menggunakan 10 hingga 15 peratus minyak sawit dunia.

Malaysia hanya mencapai sasaran 42 peratus daripada program pensijilan Minyak Sawit Mampam Malaysia (MSPO).

Dr Mahathir berkata, sukar memenuhi sasaran pensijilan penuh menjelang akhir 2019.

MSPO mengamalkan perbincangan Meja Bulat Mengenai Minyak Sawit Lestari yang diiktiraf secara meluas di Eropah dan negara lain, di Barat.

"MSPO ini berkaitan pematuhan amalan terbaik berhubung penjagaan alam sekitar dan pengekalan hutan. Apabila kita tpeiakukan ini, kita berniat untuk tidak memusnahkan hutan dan mengganggu habitat," katanya.